

# → ISU

## Reaksi

Pencapaian, kualiti universiti awam tidak boleh diragui



Biar apa yang berlaku dan diputarbelitkan, kita perlu menangkisnya, malah dengan pencapaian diperoleh dalam pelbagai aspek membabitkan pendidikan negara, sudah pastinya tohmahan terbabit tidak mampu menjelaskan kualiti yang ada”

**Dr Daing Nasir Ibrahim,**  
Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor  
Universiti Awam (JKNC/RUA)



Kualiti pendidikan negara terutamanya UA bertaraf antarabangsa hinggakan Malaysia menjadi hab pendidikan Asia, ramai pelajar antarabangsa datang belajar di Malaysia maka kita semua kena yakin dengan negara sendiri”

**Dr Mohamed Mustafa Ishak,**  
Naib Canselor UUM

# Pencapaian, kualiti universiti awam tidak boleh diragui

BERITA HARIAN (ISU) 23 JAN 2017 M/S 6

→ Pengiktirafan dari pelbagai pihak dalam, luar negara bukti graduan UA mampu bersaing

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bh.com.my

Sintok

Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/RUA) menegaskan pelbagai pencapaian yang diiktiraf ke atas institusi pendidikan awam jelas menunjukkan tahap kualiti graduan yang tinggi dan tidak boleh diragui.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya mengakui tohmahan atau isu yang diputarbelitkan pastinya akan berlaku ke atas universiti awam (UA) tetapi ia perlulah ditangani dengan fakta bagi menangkis tohmahan berkenaan.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang berka-

ta, pelbagai bukti dapat dilihat sejak 60 tahun melalui perkembangan pendidikan negara termasuk lahirnya graduan berkualiti bertaraf antarabangsa.

“Banyak pengiktirafan dari pelbagai pihak dalam dan luar negara, ia menunjukkan graduan UA tidak kurang berbanding pelajar lain dari segi kualitinya dan kompetitifnya.

### Tohmahan tak jejas kualiti

“Biar apa yang berlaku dan diputarbelitkan, kita perlu menangkisnya, malah dengan pencapaian diperoleh dalam pelbagai aspek membabitkan pendidikan negara, sudah pastinya tohmahan terbabit tidak mampu menjelaskan kualiti yang ada,” katanya selepas menghadiri mesyuarat JKNC/RUA bil 1/2017 di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini semalam.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datin Dr Siti Hamisah Tapsir.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata rakyat negara ini perlu yakin dengan kemampuan pendidikan negara terutamanya UA yang sudah sekian lama melahirkan graduan berkualiti.

“Janganlah mudah terpengaruh dengan apa yang diputarbelitkan dalam media sosial ataupun portal yang mahu mengejar keuntungan dengan menarik jumlah pembaca.

“Kualiti pendidikan negara terutamanya UA bertaraf antarabangsa hinggakan Malaysia menjadi hab pendidikan Asia, ramai pelajar antarabangsa datang belajar di Malaysia maka kita semua

kena yakin dengan negara sendiri,” katanya.

### Mahu tindakan tegas

Sebelum ini, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid mahu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan tegas ke atas portal media, Free Malaysia Today (FMT) kerana mengeluarkan laporan yang tidak bertanggungjawab dengan menyalah tafsir kebenaran dua profesor Universiti Harvard.

Portal terbabit sebelum ini melaporkan dua profesor yang mempertikaikan kemampuan sistem pendidikan negara terutamanya institusi pendidikan tinggi dengan menyatakan taraf graduan Malaysia sama seperti pelajar yang berhenti sekolah menengah di Denmark.